

Perkasa perpaduan melalui kepelbagaian pendidikan



Jabatan Pemajuan
Profesional dan
Pendidikan
Lanjutan, Fakulti
Pengajian
Pendidikan,
Universiti Putra
Malaysia

Oleh Prof Dr Ismi Arif Ismail
bhrencana@bh.com.my

Perdebatan mengenai pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersekutu (UEC) kembali menjadi perhatian awam ketika Malaysia sedang memasuki fasa baharu reformasi pendidikan tinggi negara.

Namun persoalan besar hari ini bukan lagi sekadar sama ada UEC perlu diiktiraf atau ditolak. Isu sebenar ialah bagaimana Malaysia mahu mengurus kepelbagaian sistem pendidikan tanpa menjejaskan agenda perpaduan nasional.

Dalam realiti semasa, landskap pendidikan negara tidak lagi bersifat tunggal. Selain sekolah kebangsaan dan vernakular, sistem pendidikan Malaysia kini turut berkembang melalui institusi tahfiz moden, pendidikan antarabangsa, Pendidikan Latihan dan Kemahiran Vokasional (TVET) serta pelbagai laluan alternatif semakin mendapat tempat dalam masyarakat.

Keadaan ini meletakkan kerajaan berdepan cabaran besar, bagaimana memastikan kepelbagaian pendidikan menjadi kekuatan nasional, bukannya sumber polarisasi sosial.

Sejak Penyata Razak 1956 dan Penyata Rahman Talib 1960 diwartakan, Dasar Pendidikan Kebangsaan dibina atas keyakinan sekolah berperanan membentuk identiti negara bangsa.

Bahasa Melayu, kurikulum bersama dan pengalaman pendidikan dikongsi menjadi asas penting ke-

pada perpaduan masyarakat majmuk Malaysia. Namun, Malaysia hari ini jauh lebih kompleks berbanding enam dekad lalu.

Golongan menyokong pengiktirafan UEC melihat langkah itu sebagai keperluan pragmatik bagi memastikan pelajar daripada aliran itu mendapat akses pendidikan tinggi dan peluang mobiliti sosial lebih adil.

Sebaliknya, pihak yang berhati-hati terhadap pengiktirafan penuh membangkitkan kebimbangan mengenai implikasi jangka panjang terhadap integrasi sosial dan pembentukan identiti nasional sekiranya sistem pendidikan bergerak terlalu jauh daripada naratif kebangsaan bersama.

Menariknya, dilema hampir sama turut berlaku dalam perkembangan pendidikan tahfiz.

Tahfiz moden terap STEM, TVET

Hari ini, banyak institusi tahfiz moden mula mengintegrasikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), TVET dan pendidikan profesional bagi melahirkan generasi huffaz profesional mampu bersaing dalam ekonomi masa depan.

Transformasi ini menunjukkan pendidikan alternatif sebenarnya boleh bergerak seiring dengan agenda pembangunan negara jika disepadukan secara strategik.

Dalam konteks ini, perdebatan mengenai UEC tidak lagi wajar dilihat secara hitam putih. Sebaliknya, Malaysia memerlukan pendekatan pendidikan lebih matang dan inklusif seperti digariskan dalam aspirasi Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026-2035 menekankan sistem pendidikan le-

bih fleksibel, pembangunan bakat masa depan dan pengukuhan kesepaduan sosial.

Kepelbagaian pendidikan tidak semestinya ber-canggah dengan agenda nasional sekiranya semua aliran berkongsi nilai teras sama.

Antara asas bersama perlu diperkukuh ialah penguasaan bahasa Melayu, kefahaman sejarah negara, penghayatan Perlembagaan Persekutuan, pendidikan sivik serta komitmen terhadap Rukun Negara dan kehidupan bermasyarakat harmoni.

Malaysia tidak boleh terus terperangkap dalam pendekatan lama yang melihat perpaduan hanya boleh dicapai melalui keseragaman mutlak.

Dalam masyarakat majmuk moden, perpaduan lebih realistik dibina melalui perkongsian nilai bersama walaupun rakyat datang daripada latar pendidikan berbeza.

Justeru, perbincangan mengenai UEC dan pendidikan tahfiz perlu dialihkan daripada pertentangan ideologi kepada penyelesaian dasar lebih pragmatik dan berorientasikan masa depan.

Fokus sebenar bukan siapa lebih dominan dalam sistem pendidikan negara, tetapi bagaimana semua aliran pendidikan dapat menyumbang kepada pembentukan warga Malaysia berdaya saing, mempunyai identiti nasional yang kukuh dan mampu menghadapi cabaran global.

Akhirnya, cabaran terbesar negara bukan sekadar pengiktirafan UEC atau pemeraksanaan tahfiz.

Cabaran sebenar ialah sama ada sistem pendidikan Malaysia mampu melahirkan generasi kekal berakar pada identiti negara, tetapi cukup terbuka untuk bersaing dalam dunia semakin global dan kompleks.